

03/12/1997

Peniaga digesa usah naikkan harga

KUALA LUMPUR, Selasa - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa pengeluar, pemborong dan peniaga mematuhi arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir agar tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan.

Presidennya, Zainal Rampak dalam satu kenyataan, berkata MTUC sentiasa meminta ahli perniagaan tidak menambahkan bebanan pengguna dengan menaikkan harga barangan keperluan.

Menurutnya, pengguna tidak patut dibebankan dengan kenaikan barangan selepas kejatuhan nilai ringgit yang menyebabkan mereka kerugian kira-kira 30 peratus.

"Kenaikan harga barangan hanya meningkatkan kadar inflasi dan kuasa membeli," katanya.

Menurutnya, kejatuhan ekonomi hanya boleh dikawal jika pengeluar, pemborong dan peniaga bertanggungjawab serta berjiwa patriotik.

"Tidak ada sebab untuk pengedar menaikkan harga barangan tempatan terutamanya minyak, beras, ikan, ayam dan sebagainya kerana barangan itu diperolehi di negara ini," katanya.

(END)